

Perdana Menteri beri amaran

PETALING JAYA 18 Dis. — Kerajaan Pusat malam ini memberi amaran tindakan keras mungkin terpaksa diambil jika tindak - tanduk sesetengah para pegawai kerajaan menyebabkan huru-hara berlaku.

Amaran yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad itu diper-

cayai ditujukan kepada beberapa orang pegawai kerajaan Negeri Kelantan.

Berucap di majlis makan malam Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) di sebuah hotel terkemuka di sini, beliau berkata:

"Ada juga di sebuah negeri di mana pegawai dan kakitangan kerajaan tidak mahu mengikut arahan kerajaan.

"Ada orang yang dilantik oleh kerajaan untuk menjalankan tugas yang terhad berani mencabar dan menghalang keputususan kerajaan secara terbuka."

Beliau khawatir dengan penglibatan anggota pentadbiran dalam kegiatan menentang kerajaan secara itu.

Katanya, ia akan menyebabkan pemerintahan negara menjadi kucar - kacir dan mungkin membawa kepada keadaan anarki.

"Keadaan di mana siapa yang memerintah dan siapa yang berkuasa tidak dapat ditentukan akan menyebabkan huru-hara berlaku dan tindakan - tindakan yang keras mungkin terpaksa diambil oleh pihak yang berkuasa."

Khuatir

Perdana Menteri juga khawatir dengan tindakan - tindakan yang terpaksa diambil itu, demokrasi juga akan turut terhapus.

Beliau mengingatkan betapa perkembangan sebegini telah melanda beberapa buah negara lain dengan kesan yang amat buruk kepada rakyat.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa kerajaan bertanggungjawab untuk membela sistem dan amalan pentadbiran baik yang telah banyak memberi faedah kepada rakyat dan negara.

Beliau menyeru supaya mereka yang berpesong dari sistem dan amalan baik itu kembali kepadanya demi kebaikan semua pihak.